
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JMS 315/320 – Sejarah India Moden

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Bincangkan sebab-sebab berlakunya Gerakan Kebebasan India (Gerakan Dahagi) tahun 1857 dan kesan-kesan yang timbul daripadanya.
(100 markah)
2. Bincangkan pemikiran Syah Waliyullah al-Dehlavi dan sumbangannya terhadap kegiatan islah di Benua Kecil India.
(100 markah)
3. Bincangkan Dasar Pemeliharaan (1757 – 1828) yang dijalankan oleh British, terutamanya yang berkaitan dengan sistem pendidikan tradisional di kalangan penganut Hindu dan umat Islam. Juga nyatakan sebab British mengikut dasar yang demikian ketika itu.
(100 markah)
4. Bincangkan tentang peranan Ram Mohan Roy dan Brahma Samaj dalam membawa pemodenan di kalangan kaum Hindu. Adakah gerakan reformis atau pemodenan ini berjaya dan benar-benar mendapat sokongan daripada kesemua penganut Hindu di India?
(100 markah)
5. Bincangkan tentang Revolusi Industri dan kesan-kesannya ke atas ekonomi India.
(100 markah)
6. Apakah sebenarnya teori dua negara? Bincangkan teori ini dengan melihat perkembangannya sehingga terbentuknya Pakistan pada bulan Ogos, 1947.
(100 markah)